

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

SUHAKAM GESA REFORMASI SEGERA TERHADAP DEPOT TAHANAN
IMIGRESEN

KUALA LUMPUR (1 JULAI 2026) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengambil maklum pendedahan bahawa sebanyak 465 kematian telah direkodkan di depot tahanan imigresen antara tahun 2021 hingga 2025, seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Dalam Negeri di Parlimen. Angka ini menggariskan keperluan mendesak untuk melaksanakan reformasi menyeluruh bagi melindungi kehidupan, maruah dan kesihatan semua individu yang ditahan di depot tahanan imigresen.

Setiap kematian dalam tahanan mesti diberi perhatian yang amat serius. Tanpa mengira status imigresen seseorang, setiap individu yang dilucutkan kebebasannya tetap berhak menikmati hak untuk hidup, hak kepada standard kesihatan tertinggi yang boleh dicapai, serta layanan yang berperikemanusiaan dan bermaruah.

SUHAKAM secara konsisten menegaskan bahawa kematian dalam tahanan bukan sekadar isu operasi atau pentadbiran, sebaliknya merupakan isu hak asasi manusia yang serius yang menuntut ketelusan, kebertanggungjawaban dan reformasi sistemik yang bermakna. Melalui lawatan pemantauan ke depot tahanan imigresen serta penglibatan berterusan dengan pihak berkuasa berkaitan, Suruhanjaya telah berulang kali membangkitkan kebimbangan mengenai kesesakan, perkhidmatan penjagaan kesihatan yang tidak mencukupi, kelewatan mendapatkan rujukan perubatan, tahap sanitasi yang lemah, pemakanan yang tidak mencukupi, tempoh tahanan yang berpanjangan, serta kesan buruk keadaan tersebut terhadap kesejahteraan fizikal dan mental tahanan. Kebimbangan yang telah lama dibangkitkan ini menyerlahkan keperluan kepada reformasi struktur yang berterusan bagi memastikan kemudahan tahanan imigresen mematuhi obligasi hak asasi manusia Malaysia.

Sehubungan itu, SUHAKAM mengulangi syor-syor yang telah dikemukakan agar Kerajaan:

- i. Memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan di semua depot tahanan imigresen dengan memastikan bilangan petugas perubatan yang berkelayakan adalah mencukupi, menjalankan saringan kesihatan secara berkala, menyediakan rujukan segera ke hospital, memastikan rawatan berterusan bagi penyakit kronik, serta menjamin akses yang mencukupi kepada ubat-ubatan penting;
- ii. Menambah baik keadaan tahanan dengan menangani isu kesesakan, sanitasi, pengudaraan, pemakanan serta akses kepada air bersih bagi mengurangkan risiko penularan penyakit berjangkit dan mencegah kematian yang boleh dielakkan;
- iii. Memastikan setiap kematian dalam tahanan disiasat secara segera, bebas, telus dan berkesan, dengan dapatan siasatan didedahkan kepada umum apabila bersesuaian serta tindakan kebertanggungjawaban diambil sekiranya dikenal pasti berlaku kecuai atau salah laku; dan
- iv. Memperkukuh pemantauan bebas terhadap kemudahan tahanan imigresen dengan memudah cara pelaksanaan pemantauan secara berkala oleh SUHAKAM dan badan-badan bebas lain yang berkaitan.

Di samping menambah baik keadaan tahanan, penekanan yang lebih besar juga perlu diberikan kepada langkah-langkah pencegahan. Saringan kesihatan awal sebaik kemasukan ke depot tahanan, penilaian kesihatan secara berkala, pemantauan berterusan terhadap tahanan yang mempunyai penyakit sedia ada, rujukan tepat pada masanya untuk mendapatkan rawatan pakar, serta akses tanpa gangguan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang penting merupakan langkah-langkah kritikal bagi mencegah kematian yang boleh dielakkan dalam tahanan. Jumlah kematian yang dilaporkan seharusnya menjadi pemangkin kepada Kerajaan untuk melaksanakan semakan menyeluruh terhadap dasar dan amalan berkaitan tahanan imigresen, dengan memberikan penekanan yang sama terhadap kebertanggungjawaban bagi setiap kematian yang berlaku dan, yang lebih penting, usaha mencegah kematian pada masa hadapan melalui reformasi berasaskan hak asasi manusia yang berkesan.

Oleh yang demikian, SUHAKAM menyeru Kerajaan agar mengambil tindakan segera dan konkrit untuk memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan, menambah baik keadaan tahanan, serta melaksanakan reformasi yang berasaskan hak asasi manusia bagi memastikan setiap individu yang ditahan di depot tahanan imigresen dilayan dengan penuh maruah dan bahawa kematian yang boleh dicegah tidak lagi dianggap sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
1 Julai 2026